



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 143

**AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP
MALAYSIA, 1974**

Tarikh Persetujuan Diraja ...	30hb Julai, 1974
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i> ...	22hb Ogos, 1974

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 143

AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA, 1974

Suatu Akta bagi menukar nama Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia, memperuntukkan penalti bagi mana-mana daripada kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalamnya dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengannya.

[23 . 8 . 1974]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia, 1974. Tajuk ringkas.

2. (1) Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia yang diperbadankan di bawah seksyen 3 (1) Akta (Perbadanan) Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia, 1968 (kemudian daripada ini disebut "Persekutuan itu") hendaklah selepas Akta ini mula berkuatkuasa dikenali sebagai Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia dan semua sebutan dalam Akta itu dan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai Persekutuan itu hendaklah ditafsirkan sewajarnya. Penukaran nama Persekutuan. 38/68.

- (2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh sahnya atau kuatkuasa apa-apa tindakan, pembicaraan, pindahhak, pindahmilik, suratikatan, urusan atau apa-apa jenis perbuatan bona fide yang telah diambil, dibuat atau dilakukan sebelum Akta ini mula berkuatkuasa oleh atau terhadap atau atas nama atau bagi pihak Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia.

Seksyen
13A yang
baru.

3. Akta (Perbadanan) Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia, 1968 adalah dengan ini dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 13 suatu seksyen 13A yang baru yang berikut—

“Penalti. 13A. Seseorang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Akta ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan.”